

Malaysia Mampu Bentang Belanjawan Terbaik Walaupun Ekonomi Dunia Tidak Menentu - TPM

ZAHID HAMIDI - Deputy Prime Minister of Malaysia

October 21, 2016

By Admin

Walaupun keadaan ekonomi dunia tidak menentu, Malaysia masih mampu membentangkan belanjawan yang terbaik untuk rakyat kata Zahid Hamidi.

Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Ahmad Zahid Hamidi berkata, bajet 2017 yang dibentangkan oleh Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Tun Razak di Dewan Rakyat hari ini telah mengambil kira agihan kepada semua golongan dan sektor.

“Namun, apa yang telah dibentangkan memperlihatkan bahawa kita masih mampu memberikan agihan yang terbaik kepada semua pihak.”

“Saya mewakili jemaah menteri mengucapkan tahniah atas belanjawan yang cukup berpijak di bumi yang nyata walaupun kita tahu kehilangan pendapatan daripada sumber-sumber yang berasaskan kepada petroleum.”

Zahid Hamidi yang juga Menteri Dalam Negeri turut memberikan ucapan terima kasih kerana sektor keselamatan tetap diberikan keutamaan dengan Polis Diraja Malaysia (PDRM) yang memperolehi jumlah peruntukan yang besar.

Zahid Hamidi berkata, dengan peruntukan berjumlah RM80 juta bagi membekalkan pakaian seragam kepada anggota RELA juga menunjukkan keprihatinan Perdana Menteri untuk melihat anggota sukarelawan itu berada di seluruh pelosok negara bagi membantu agensi keselamatan dan penguatkuasaan menjaga keamanan negara.

Rela kini melalui arus transformasi ke arah sebuah jabatan yang unggul dan perkasa apabila peranannya tidak lagi hanya tertumpu kepada situasi darurat atau bidang keselamatan semata-mata, malah menjurus kepada situasi dan kehendak semasa yang meliputi keselamatan, keamanan, kesejahteraan, keharmonian, kesatuan dan perpaduan.

Kerajaan memperuntukkan RM12.8 bilion kepada Kementerian Dalam Negeri (KDN) termasuk RM8.7 bilion kepada Polis Diraja Malaysia (PDRM).

Zahid Hamidi berkata antara projek utama melibatkan peruntukan berkenaan ialah membina 12 Ibu Pejabat Polis Daerah, pusat latihan Komando 69 dan perolehan kenderaan serta kelengkapan.

“Selain itu, RM60 juta disediakan bagi meningkatkan keberkesanan usaha mencegah jenayah di bandar termasuk omnipresence dan Unit Rondaan Bermotosikal.”

Mengenai Transformasi Nasional 2050 (TN50) untuk memajukan negara dalam tempoh tiga dekad, Zahid Hamidi berkata beliau memberikan dokongan yang penuh terhadap pengenalan transformasi itu kerana ia penting dalam memastikan generasi akan datang bersama kerajaan membentuk hala tuju negara.

“Pada tahun 2057, negara kita akan berada di ambang 100 tahun kemerdekaan, tentunya transformasi nasional yang baru ini amat diperlukan supaya generasi Y yang ada serta generasi Z, dan generasi alfa yang akan muncul, mempunyai saham bersama membentuk negara,” katanya.

Ditanya mengenai bajet kepada Jabatan Perdana Menteri, Zahid Hamidi menegaskan ia bukanlah peruntukan kepada Pejabat Perdana Menteri, sebaliknya ia melibatkan 90 agensi di bawah jabatan itu.

Copyright of Blog at WordPress.com.

Source: <https://zahidhamidi.com/2016/10/21/malaysia-mampu-bentang-belanjawan-terbaik-walaupun-ekonomi-dunia-tidak-menentu-tpm/>